



**POLITEKNIK SEBERANG PERAI**  
**KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**  
JALAN PERMATANG PAUH  
13500 PERMATANG PAUH  
PULAU PINANG  
MALAYSIA



Tel: 04-538 3322  
Faks: 04-538 9266  
Laman Web: [www.psp.edu.my](http://www.psp.edu.my)  
Facebook: Politeknik Seberang Perai

Ruj. Kami : PSP/HEP/80/03/1 Jld.14 ( 56 )  
Tarikh : 22 Januari 2024

Semua Pelajar Senior  
Politeknik Seberang Perai  
Pulau Pinang

Saudara/Saudari,

### **PENDAFTARAN PELAJAR SENIOR SESI II 2023/2024**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan semua pelajar senior yang akan mendaftar bagi Sesi II 2023/2024 dipohon untuk merujuk **Maklumat Pendaftaran Pelajar Senior PSP Sesi II 2023/2024** seperti dilampiran yang disertakan bersama.

3. Jika terdapat sebarang pertanyaan berhubung dengan urusan tersebut, sila emelkan kepada [jhep@psp.edu.my](mailto:jhep@psp.edu.my), *WhatsApp JHEP Hotline* : 010-8691800 atau hubungi 04-5383322 di sambungan 1008/1009/5110.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

((ROSELIZA BINTI SHAARI C.A(M), AMP, BCK)  
Pengarah  
Politeknik Seberang Perai  
Pulau Pinang

# MAKLUMAT PENDAFTARAN PELAJAR SENIOR PSP SESI II 2023/2024




Tarikh-tarikh penting bagi pelajar senior:

Perkara	Tarikh
Keputusan Rasmi Peperiksaan Akhir Sesi II 2022/2023	25 Januari 2024
Pembayaran Yuran Pengajian / Asrama (JOMPAY)	Mulai 25 Januari 2024
Pendaftaran Dalam Talian (iHELP SPMP)	29 Januari - 2 Februari 2024
Pendaftaran Kursus Dalam Talian (iDaftar SPMP)	
Tarikh Rasmi Kuliah (100% bersemuka)	5 Februari 2024

✓ Maklumat pendaftaran asrama pelajar senior perlu dirujuk pada surat makluman oleh pihak Kolej Kediaman. Memandangkan kapasiti asrama yang terhad, pelajar senior digalakkan mencari rumah sewa di kawasan berdekatan PSP. Segala tarikh tertakluk kepada pindaan semasa.

## Carta Alir Proses Pendaftaran Pelajar Senior Sesi II 2023/2024





**PERINGATAN!**

**STATUS PELAJAR POLITEKNIK BOLEH DIGUGURKAN JIKA:**

- TIDAK** mendaftar sebagai pelajar politeknik untuk mengikuti Program Pengajian yang ditawarkan pada tarikh yang ditetapkan.
- TIDAK** menjelaskan yuran pengajian pada tarikh yang ditetapkan.
- TIDAK** mendaftar kursus secara atas talian (online) melalui SPMP dalam tempoh yang ditetapkan.

Rujukan: KPT.JPP(0).604-1/1/4/1(6) bertarikh 8 Mac 2017

Sebarang isu bayaran @ masalah lapor diri, sila maklumkan kepada pejabat JHEP PSP sebelum sesi kuliah bermula.

## PEMBAYARAN YURAN PENGAJIAN, YURAN ASRAMA DAN BAYARAN INSURANS

- ✓ Semua pelajar adalah **DIWAJIBKAN** untuk menjelaskan Yuran Pengajian, Yuran Asrama dan Bayaran Insurans\*\* **SEBELUM MELAPOR DIRI DI POLITEKNIK.**
- ✓ Bayaran melalui **PERBANKAN INTERNET BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD (BIMB) adalah digalakkan** untuk elak sebarang kesulitan. \*Kecuali bayaran insurans boleh melalui ATM & Perbankan Internet BIMB sahaja.

### MAKLUMAT YURAN PENGAJIAN, YURAN ASRAMA & BAYARAN INSURANS

**Jadual 1: Pelajar Senior Diploma**

BIL	PERKARA	JUMLAH (RM)
1	<b>Yuran Pengajian*</b>	<b>200.00</b>
2	<b>Yuran Asrama</b> <i>(hanya untuk pelajar senior yang ditawarkan asrama sahaja. Rujuk surat makluman daripada pihak Kolej Kediaman PSP)</i>	<b>60.00 / 630.00</b>
3	<b>Bayaran Insurans (semester 3, 5, 7 &amp; 9 sahaja)**</b>	<b>35.00</b>
4	<b>Yuran Majlis Sukan Politeknik (MSP) *</b> <i>(hanya untuk pelajar senior yang BELUM membuat bayaran Yuran Keahlian dan Tahunan MSP sesi I 2023/2024 sahaja)</i>	<b>40.00</b>

\* Pelajar **Latihan Industri Semester Akhir (LISA) DIKECUALIKAN** daripada bayaran yuran pengajian dan Yuran MSP. Pelajar semester 7 dan ke atas **DIKECUALIKAN** daripada bayaran yuran Yuran MSP sahaja.

\*\* Semester pelajar dikira daripada sesi mula ambilan. Semester tangguh juga akan dikira sebagai 1 semester. Rujuk JHEP untuk pengesahan semester anda

**Kaedah bayaran yuran pengajian & asrama Politeknik Malaysia adalah melalui JOMPAY daripada akaun simpanan sahaja.**

Pastikan segala maklumat dimasukkan dengan betul sebelum membuat bayaran melalui JOMPAY. Kesilapan maklumat boleh menyebabkan kegagalan pendaftaran dalam talian melalui sistem iHelp SPMP.



**POLITEKNIK MALAYSIA** KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI **KOLEJ KOMUNITI MALAYSIA**

# PEMBAYARAN

## YURAN PENGAJIAN & YURAN ASRAMA

### POLITEKNIK MALAYSIA




**Bill Code:**  
**Ref-1:** No. Kad Pengenalan Pelajar  
**Ref-2:** No. Telefon Pelajar


**JomPAY** online di Perbankan Internet dan Telefon Mudah Alih dengan akaun simpanan sahaja.

# TATACARA BAYARAN YURAN PENGAJIAN & ASRAMA MELALUI JOMPAY

**Langkah 1:** Log Masuk ke mana-mana Perbankan Pilihan Dalam Talian atau *Mobile Banking*. Perbankan Internet Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) adalah kaedah terbaik untuk urusan ini.



**Langkah 2:** Pilih *JomPay* pada menu *Payments / Pay Bills*



**Langkah 3:** Buat Pilihan Akaun Pengguna dan Isi Maklumat berikut:

- i) **Biller Code: 919365**
- ii) **Reference 1: Nombor Kad Pengenalan Pelajar (tanpa simbol -, contoh: 030808045577)**
- iii) **Reference 2: Nombor Telefon Pelajar (tanpa simbol -, terhad kepada 20 aksara)**
- iv) **Jumlah: RM 200 (Yuran Pengajian) / RM 60 (Yuran Asrama)**

as at 27-Jul-2022 11:05:05 MYT

Payment Details	
From Account* :	Please select <a href="#">View Account Details</a>
Amount* :	MYR 200 <--- Jumlah bayaran RM200 @ RM60
Payment Mode* :	<input checked="" type="radio"/> Immediate <input type="radio"/> Future Dated <input type="radio"/> Recurring
Recipient Details	
Recipient Type :	<input checked="" type="radio"/> Open Biller <input type="radio"/> Favourite Biller ?
Biller Code* :	919365 <--- Biller Code
Ref-1* :	040010000035 <--- No. IC tanpa simbol -
Ref-2 :	0108691800 (If available) <--- No. Telefon tanpa simbol

**Langkah 4:** Menyemak semula maklumat sebelum mengesahkan (CONFIRM) pembayaran

JomPAY Add Bill (Step 2 of 5) 

as at 27-Jul-2022 11:07:41 MYT

From Account	Savings Account - 07000000000000000000 MYR <--- Bayaran daripada akaun simpanan sahaja.
Biller Code	919365-PSP <--- Biller Code PSP
Ref-1	01000000000000000000 <--- No. IC pelajar tanpa simbol -
Ref-2	0108691800 <--- No. Telefon Pelajar tanpa simbol
Amount	MYR 60.00 <--- Jumlah bayaran samada RM200 @ RM60

**Langkah 5:** Unique JomPay Reference Number akan dipaparkan setelah transaksi bayaran berjaya dilakukan.

**Pelajar diwajibkan menyimpan fail PDF dan mencetak maklumat bayaran ini bagi tujuan simpanan dan rekod pendaftaran pelajar.**

## BAYARAN INSURANS

INSURANS PELAJAR SEMESTER 3, 5, 7 & 9 sahaja  
**RM35.00**

Bayaran Insurans hanya boleh dilakukan di ATM BIMB dan Perbankan Internet BIMB sahaja.

1. Pilih menu **YURAN IPT / BILL PRESENTMENT**.
2. Masukkan **NO KP PELAJAR**.
3. Pilih Bil "**KOP POLI S.PERA**".
4. Sahkan maklumat.
5. Sahkan jumlah kemasukan wang.
6. Transaksi selesai dan ambil Resit.



### PENTING

Tarikh mula bayaran  
adalah

**25 Januari 2024**

(selepas anda semak keputusan peperiksaan akhir dan layak meneruskan pengajian)

\* Sebarang isu bayaran @ masalah lapor diri, sila maklumkan kepada pejabat JHEP PSP sebelum sesi kuliah bermula untuk elak dari dikenakan tindakan lanjut

**NOTA:** Sekiranya anda berdepan masalah transaksi ditolak pada mesin ATM BIMB, sila cuba lagi di luar waktu puncak atau cuba pada mesin ATM BIMB cawangan lain. Setakat ini, masalah transaksi ditolak tidak pernah berlaku melalui perkhidmatan perbankan internet BIMB.

## YURAN MAJLIS SUKAN POLITEKNIK (MSP)

**RM40.00**

Sila rujuk kaedah bayaran pada Borang Keahlian Pelajar  
Majlis Sukan Politeknik Malaysia


## PENDAFTARAN PELAJAR SENIOR SECARA DALAM TALIAN (ONLINE) MELALUI iHELP SPMP

**TARIKH MULA PENDAFTARAN DI SPMP SESI II 2023/2024:  
29 Januari – 2 Februari 2024**

- Semua pelajar **DIWAJIBKAN** untuk membuat **pendaftaran** secara **dalam talian** melalui **Portal SPMP KECUALI** pelajar yang sedang menjalani **Latihan Industri (LI)**.
- Pastikan anda telah menjelaskan yuran pengajian sebelum membuat pendaftaran secara *online*.
- Pendaftaran hanya boleh dibuat **36 JAM** selepas pembayaran yuran dibuat.
- Pembayaran yang dibuat pada hari **Jumaat – Ahad** **AKAN** dikemaskini pada hari **Isnin** berikutnya.
- Buat satu salinan bagi setiap slip bayaran untuk simpanan sendiri.

### TATACARA PENDAFTARAN SECARA DALAM TALIAN MELALUI IHELP SPMP

- Layari <http://spmp.psp.edu.my>
- Log masuk (Sila berurusan dengan Penasihat Akademik untuk tujuan **RESET** kata laluan).
- Klik pada menu **Hal Ehwal Pelajar > Pendaftaran > Laporan Diri Pelajar Senior**.
- Pelajar diminta untuk **mengemaskini SEMUA** Maklumat Peribadi termasuk **Penjaga**. Sila masukkan maklumat terkini yang sah **⚠ PENTING!**
- Simpan cetakan PDF Slip Laporan Diri & kemukakan kepada pihak PSP sekiranya diminta.




#### SEKATAN ONLINE LAPOR DIRI PELAJAR SENIOR

Pelajar berikut akan **DISEKAT UNTUK LAPOR DIRI PELAJAR SENIOR**:

- Fail Peribadi Pelajar/Dokumen Pendaftaran tidak lengkap**
- Tidak menjelaskan yuran/bayaran semester lepas.**
- Tidak menjelaskan bayaran saman/denda.**

Sehubungan dengan itu, semua pelajar terlibat dikehendaki untuk berhubung segera dengan Jabatan Hal Ehwal Pelajar untuk penyelesaian kes bagi mengelak laporan diri anda disekat.



## MASALAH DAN PERTANYAAN BERKENAAN PENDAFTARAN SESI II 2023/2024



Pelajar yang mempunyai sebarang masalah berkenaan proses pendaftaran, sila hubungi **Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP)** di talian **04 538 3322 samb 5110**.

Bagi pertanyaan lain, sila hubungi unit berkenaan untuk maklumbalas segera.

Masalah dan pertanyaan berkenaan Keputusan Peperiksaan, rayuan Gagal Berhenti (GB), Penilaian Khas dan lain-lain berkaitan peperiksaan akhir sesi lepas	Unit Peperiksaan 04 5383322 samb 1069
Pertanyaan berkenaan permohonan Kolej Kediaman/Asrama	Unit Kolej Kediaman Pelajar 04 5383322 samb 1402/5222/1213/5102
Pertanyaan berkenaan Latihan Industri	Unit Perhubungan & Latihan Industri 04 5383322 samb 1067
Pertanyaan berkenaan Yuran Majlis Sukan Politeknik (MSP)	Jabatan Sukan, Kokurikulum & Kebudayaan 04 5383322 samb 5220

⚠ Jika terdapat masalah berkaitan bayaran, sila hantarkan **mesej whatsapp (teks sahaja, dalam waktu pejabat)** butiran yang diperlukan kepada;

**JHEP PSP Payment Careline 010-8454062**

Format aduan teks whatsapp adalah seperti berikut;

Tajuk: Gagal transaksi bayaran yuran pengajian/ asrama / bayaran koperasi

Nama:

No. Kad Pengenalan:

No. Telefon Bimbit:

Jenis Perbankan :

Lokasi:

Tarikh & Masa Transaksi:

Jenis masalah: (contohnya; Kegagalan transaksi Bayaran Insuran RM35 ke akaun KOP POLI S.PERA).

Sertakan bersama **lampiran resit / tangkap layar (screenshot)** yang dijana oleh sistem perbankan.

NOTA: *Sekiranya terlalu banyak mesej diterima, mungkin berlaku kelewatan membalas mesej. Harap bersabar dan sila beri masa selewat-lewatnya dua hari sebelum menghantar semula mesej susulan. Terima kasih kerana menghormati masa berurusan dalam waktu pejabat.*

Maklumat dalam dokumen ini adalah benar sehingga dikemaskini pada Januari 2024 & sah untuk kegunaan sesi II 2023/2024 sahaja. **Segala maklumat tertakluk kepada arahan & perubahan semasa.**

Dikeluarkan oleh

**JABATAN HAL EHWAL PELAJAR**

**Politeknik Seberang Perai**

Tel: 04 5383322 Faks: 04 5389266

Emel: [jhep@psp.edu.my](mailto:jhep@psp.edu.my)



**WhatsApp JHEP PSP Hotline 📞 : 010 8691800**